



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 31 TAHUN 2007

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI LAUT GRED A41, A44, A48, A52, A54 DAN
PENOLONG PEGAWAI LAUT GRED A29, A36, A38**

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan menggabungkan skim-skim perkhidmatan Pegawai Laut, Jurutera Laut, Arkitek Laut dan Malim di bawah satu skim perkhidmatan baru iaitu Pegawai Laut dan menggabungkan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut dan Penolong Jurutera Laut di bawah satu skim perkhidmatan baru iaitu Penolong Pegawai Laut.

LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini, bagi melaksanakan skop fungsi bidang tugas kelautan, kejuruteraan (laut), reka bentuk (laut) dan pemaliman, terdapat empat (4) skim perkhidmatan di peringkat Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Skim-skim perkhidmatan tersebut ialah:

- (a) Pegawai Laut A41, A44, A48, A52, A54;
- (b) Jurutera Laut A41, A44, A48, A52, A54;
- (c) Arkitek Laut A41, A44, A48, A52; dan
- (d) Malim A41, A44, A48, A52.

3. Di peringkat Kumpulan Sokongan yang berkelayakan diploma pula, terdapat dua (2) skim perkhidmatan iaitu:

- (a) Penolong Pegawai Laut A29, A36, A38; dan
- (b) Penolong Jurutera Laut A29, A36, A38.

4. Kerajaan telah memutuskan untuk menggabungkan skim-skim perkhidmatan seperti di perenggan 2 dan 3 di atas dengan mewujudkan skim perkhidmatan Pegawai Laut dan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut yang baru. Penggabungan ini berdasarkan kepada prinsip perkhidmatan yang setanding dari segi peranan dan fungsi hendaklah digabungkan dengan peluasan skop fungsi bidang tugasnya. Kesemua skim perkhidmatan berkenaan adalah berkaitan dengan pengurusan bidang pengangkutan laut negara. Tujuan penggabungan adalah untuk memantapkan perkhidmatan pengangkutan laut negara di samping meningkatkan peluang kemajuan kerjaya pegawai.

SKIM PERKHIDMATAN BARU

5. Nama skim perkhidmatan yang baru ialah Pegawai Laut Gred A41, A44, A48, A52, A54 dan Penolong Pegawai Laut Gred A29, A36, A38. Kedua-duanya dikekalkan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pengangkutan (A).

6. Selaras dengan pewujudan skim perkhidmatan Pegawai Laut dan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut ini dan perubahan perakuan kekompetenan yang diiktiraf oleh Pertubuhan Maritim Antarabangsa di bawah *Standard of Training, Certification and Watchkeeping Convention 1978* (pindaan STCW 1995), maka syarat lantikan baru bagi kedua-dua skim perkhidmatan tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Skim perkhidmatan Pegawai Laut Gred A41, A44, A48, A52, A54:
- (i) ijazah sarjana muda dalam bidang pengurusan maritim yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A41 : P1T3); atau
 - (ii) ijazah sarjana muda dalam bidang *nautical studies* yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A41 : P1T4); atau
 - (iii) ijazah sarjana muda dalam bidang kejuruteraan laut yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A41 : P1T4); atau
 - (iv) ijazah dalam bidang arkitek laut yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A41 : P1T6); atau
 - (v) *Chief Mate of 3000 GT or more Unlimited Trade Voyage* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A41 : P1T6); atau
 - (vi) *Second Engineer Officer of 3000 kW or more Unlimited Trade Voyage* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A41 : P1T6); atau

- (vii) *Master of 3000 GT or more Unlimited Trade Voyage* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A41 : P1T10); atau
 - (viii) *Chief Engineer Officer of 3000 kW or more Unlimited Trade Voyage* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A41 : P1T10);
- dan
- (ix) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- (b) Skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut Gred A29, A36, A38:
- (i) diploma dalam bidang pengurusan maritim yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A29 : P1T1); atau
 - (ii) diploma dalam bidang sains nautika yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A29 : P1T2); atau
 - (iii) *Chief Mate of Between 500 & 3000 GT Near Coastal Trade Voyage* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A29 : P1T2); atau

- (iv) diploma dalam bidang kejuruteraan laut yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A29 : P1T3); atau

- (v) *Master of Between 500 & 3000 GT Near Coastal Trade Voyage* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A29 : P1T3); atau

- (vi) *Chief Mate of 3000 GT or more Near Coastal Trade Voyage* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A29 : P1T4); atau

- (vii) *Master of 3000 GT or more Near Coastal Trade Voyage* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A29 : P1T5);

- dan (viii) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

7. Skim perkhidmatan Pegawai Laut ini memperuntukkan perbekalan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) daripada skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut dengan kelayakan seperti di perenggan 6(a). Skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut pula memperuntukkan perbekalan KPSL daripada skim perkhidmatan Serang dan Juruenjin Laut Gred A22 dengan kelayakan seperti di perenggan 6(b).

8. Maklumat lanjut mengenai skim perkhidmatan Pegawai Laut dan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut yang baru adalah seperti di Lampiran berikut:

- (a) **Lampiran A:** Skim Perkhidmatan Pegawai Laut;
- (b) **Lampiran B:** Format Iklan Jawatan Pegawai Laut;
- (c) **Lampiran C1, C2, C3, C4, C5:** Jadual Gaji Matriks Pegawai Laut Gred A41, A44, A48, A52, A54;
- (d) **Lampiran D1, D2, D3, D4, D5:** Penghuraian Kerja Pegawai Laut Gred A41, A44, A48, A52, A54;
- (e) **Lampiran E:** Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Laut;
- (f) **Lampiran F:** Format Iklan Jawatan Penolong Pegawai Laut;
- (g) **Lampiran G1, G2, G3:** Jadual Gaji Matriks Penolong Pegawai Laut Gred A29, A36, A38; dan
- (h) **Lampiran H1, H2, H3:** Penghuraian Kerja Penolong Pegawai Laut Gred A29, A36, A38.

PERUBAHAN SKIM-SKIM PERKHIDMATAN BERKAITAN

9. Di bawah skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut yang baru, perbekalan KPSL daripada skim perkhidmatan Serang Gred A17, A22, A26 dan Juruenjin Laut Gred A22, mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan diperuntukkan. Sehubungan itu, pindaan kepada skim perkhidmatan Serang dan Pembantu Juruenjin Laut/Juruenjin Laut adalah seperti di **Lampiran I** dan **Lampiran J**.

PELAKSANAAN

10. Semua pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pegawai Laut, Jurutera Laut, Arkitek Laut dan Malim yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Laut yang baru seperti berikut:

- (a) Pegawai Laut Gred A41, Jurutera Laut Gred A41, Arkitek Laut Gred A41 dan Malim Gred A41 ditukar lantik ke Pegawai Laut Gred A41;
- (b) Pegawai Laut Gred A44, Jurutera Laut Gred A44, Arkitek Laut Gred A44 dan Malim Gred A44 ditukar lantik ke Pegawai Laut Gred A44;
- (c) Pegawai Laut Gred A48, Jurutera Laut Gred A48, Arkitek Laut Gred A48 dan Malim Gred A48 ditukar lantik ke Pegawai Laut Gred A48;
- (d) Pegawai Laut Gred A52, Jurutera Laut Gred A52, Arkitek Laut Gred A52 dan Malim Gred A52 ditukar lantik ke Pegawai Laut Gred A52;
dan
- (e) Pegawai Laut Gred A54 dan Jurutera Laut Gred A54 ditukar lantik ke Pegawai Laut Gred A54.

11. Semua pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut dan Penolong Jurutera Laut yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut yang baru seperti berikut:

- (a) Penolong Pegawai Laut Gred A29 dan Penolong Jurutera Laut Gred A29 ditukar lantik ke Penolong Pegawai Laut Gred A29;
- (b) Penolong Pegawai Laut Gred A36 dan Penolong Jurutera Laut Gred A36 ditukar lantik ke Penolong Pegawai Laut Gred A36; dan

- (c) Penolong Pegawai Laut Gred A38 dan Penolong Jurutera Laut Gred A38 ditukar lantik ke Penolong Pegawai Laut Gred A38.

12. Ketua Jabatan/ Perkhidmatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan jawatan Pegawai Laut Gred A41, A44, A48, A52, A54 dan Penolong Pegawai Laut Gred A29, A36, A38 yang baru secara tukar ganti dengan memansuhkan jawatan Pegawai Laut Gred A41, A44, A48, A52, A54, Jurutera Laut Gred A41, A44, A48, A52, A54, Arkitek Laut Gred A41, A44, A48, A52, Malim Gred A41, A44, A48, A52, Penolong Pegawai Laut Gred A29, A36, A38 dan Penolong Jurutera Laut Gred A29, A36, A38 mengikut keperluan dan kesesuaian.

PEMBERIAN OPSYEN

13. Berikutan pelaksanaan skim perkhidmatan Pegawai Laut Gred A41, A44, A48, A52, A54 yang baru, Pihak Berkuasa Melantik melalui Ketua Perkhidmatan akan menawarkan opsyen tukar lantik kepada pegawai sedang berkhidmat dalam skim-skim perkhidmatan Pegawai Laut Gred A41, A44, A48, A52, A54, Jurutera Laut Gred A41, A44, A48, A52, A54, Arkitek Laut Gred A41, A44, A48, A52 dan Malim Gred A41, A44, A48, A52 bagi membolehkan pegawai membuat pilihan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan berkenaan. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

14. Begitu juga dengan pelaksanaan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut Gred A29, A36, A38 yang baru, Pihak Berkuasa Melantik melalui Ketua Perkhidmatan akan menawarkan opsyen tukar lantik kepada pegawai sedang berkhidmat dalam skim-skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut Gred A29, A36, A38 dan Penolong Jurutera Laut Gred A29, A36, A38 bagi membolehkan pegawai membuat pilihan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan berkenaan. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

15. Pegawai yang terlibat diberi tempoh **30 hari** mulai tarikh surat opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau tidak menerima tawaran ini. Pegawai yang tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah akan dianggap sebagai telah tidak memilih untuk memasuki skim perkhidmatan berkaitan. Mereka akan kekal dalam perkhidmatan hakiki sekarang secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

16. Tawaran opsyen ini diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan dan berada dalam Sistem Saraan Malaysia.

17. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada pegawai tetap yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukarkan sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

18. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

19. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada mereka yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 17, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberikan tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walau pun tempoh opsyen asal telah tamat.

20. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh surat tawaran, syarat-syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen untuk skim perkhidmatan Pegawai Laut yang baru dan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut yang baru adalah seperti:

- (a) **Lampiran K1:** Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan Ke Skim Perkhidmatan Pegawai Laut Di Bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pengangkutan.
- (b) **Lampiran K2:** Syarat-Syarat Tawaran Pertukaran Pelantikan Melalui Pemberian Opsyen Ke Skim Perkhidmatan Pegawai Laut.
- (c) **Lampiran K3:** Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan Ke Skim Perkhidmatan Pegawai Laut Di Bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pengangkutan.
- (d) **Lampiran L1:** Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan Ke Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Laut Di Bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pengangkutan.
- (e) **Lampiran L2:** Syarat-Syarat Tawaran Pertukaran Pelantikan Melalui Pemberian Opsyen Ke Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Laut.
- (f) **Lampiran L3:** Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan Ke Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Laut Di Bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pengangkutan.

21. Pegawai lantikan sementara/ kontrak/ sambilan adalah tidak terlibat dalam urusan pemberian opsyen ini.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

22. Kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan Pegawai Laut, Jurutera Laut, Arkitek Laut dan Malim ke skim perkhidmatan Pegawai Laut yang baru dan pertukaran pelantikan Penolong Pegawai Laut dan Penolong Jurutera Laut ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut yang baru adalah ditetapkan seperti berikut:

- (a) Pegawai Laut, Jurutera Laut, Arkitek Laut dan Malim yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru;
- (b) Pegawai Laut, Jurutera Laut, Arkitek Laut dan Malim yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat berikutnya;
- (c) Penolong Pegawai Laut dan Penolong Jurutera Laut yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru; dan
- (d) Penolong Pegawai Laut dan Penolong Jurutera Laut yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di

gred jawatan baru yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat berikutnya.

23. Jika matagaji di gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip-prinsip di atas, maka Jadual Gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

24. Secara terperinci, penetapan gaji permulaan bagi Pegawai Laut, Jurutera Laut, Arkitek Laut dan Malim yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Laut yang baru dan bagi Penolong Pegawai Laut dan Penolong Jurutera Laut yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut yang baru bagi setiap gred adalah seperti berikut:

- (a) Pegawai Laut Gred A41, Jurutera Laut Gred A41, Arkitek Laut Gred A41 dan Malim Gred A41 yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru Pegawai Laut Gred A41;
- (b) Pegawai Laut Gred A41, Jurutera Laut Gred A41, Arkitek Laut Gred A41 dan Malim Gred A41 yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Pegawai Laut Gred A41 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat berikutnya;

- (c) Pegawai Laut Gred A44, Jurutera Laut Gred A44, Arkitek Laut Gred A44 dan Malim Gred A44 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Pegawai Laut Gred A44 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat berikutnya;
- (d) Pegawai Laut Gred A48, Jurutera Laut Gred A48, Arkitek Laut Gred A48 dan Malim Gred A48 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Pegawai Laut Gred A48 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat berikutnya;
- (e) Pegawai Laut Gred A52, Jurutera Laut Gred A52, Arkitek Laut Gred A52 dan Malim Gred A52 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Pegawai Laut Gred A52 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat berikutnya;
- (f) Pegawai Laut Gred A54 dan Jurutera Laut Gred A54 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Pegawai Laut Gred A54 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat

(P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat berikutnya;

- (g) Penolong Pegawai Laut Gred A29 dan Penolong Jurutera Laut Gred A29 yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di gred jawatan baru Penolong Pegawai Laut Gred A29;
- (h) Penolong Pegawai Laut Gred A29 dan Penolong Jurutera Laut Gred A29 yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Penolong Pegawai Laut Gred A29 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat berikutnya;
- (i) Penolong Pegawai Laut Gred A36 dan Penolong Jurutera Laut Gred A36 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Penolong Pegawai Laut Gred A36 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat berikutnya; dan
- (j) Penolong Pegawai Laut Gred A38 dan Penolong Jurutera Laut Gred A38 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Penolong Pegawai Laut Gred A38 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji

permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat berikutnya.

25. Jika matagaji di gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip-prinsip yang dinyatakan secara terperinci di atas, maka Jadual Gaji KUP hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

26. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pegawai Laut dan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut adalah seperti berikut:

- (a) **Lampiran M1:** Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Pertukaran Pelantikan Pegawai Laut Gred A41 Yang Belum Disahkan Dalam Perkhidmatan;
- (b) **Lampiran M2:** Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Pertukaran Pelantikan Jurutera Laut Gred A41 Yang Telah Disahkan Dalam Perkhidmatan;
- (c) **Lampiran M3:** Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Pertukaran Pelantikan Arkitek Laut Gred A41 Yang Telah Disahkan Dalam Perkhidmatan;
- (d) **Lampiran M4:** Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Pertukaran Pelantikan Malim Gred A44;
- (e) **Lampiran M5:** Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Pertukaran Pelantikan Pegawai Laut Gred A44;
- (f) **Lampiran M6:** Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Pertukaran Pelantikan Jurutera Laut Gred A48;

- (g) **Lampiran M7:** Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Pertukaran Pelantikan Arkitek Laut Gred A52;
- (h) **Lampiran M8:** Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Pertukaran Pelantikan Jurutera Laut Gred A54;
- (i) **Lampiran N1:** Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Pertukaran Pelantikan Penolong Pegawai Laut Gred A29 Yang Belum Disahkan Dalam Perkhidmatan;
- (j) **Lampiran N2:** Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Pertukaran Pelantikan Penolong Pegawai Laut Gred A29 Yang Telah Disahkan Dalam Perkhidmatan;
- (k) **Lampiran N3:** Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Pertukaran Pelantikan Penolong Jurutera Laut Gred A29 Yang Telah Disahkan Dalam Perkhidmatan;
- (l) **Lampiran N4:** Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Pertukaran Pelantikan Penolong Jurutera Laut Gred A36;
- (m) **Lampiran N5:** Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Pertukaran Pelantikan Penolong Pegawai Laut Gred A36; dan
- (n) **Lampiran N6:** Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Pertukaran Pelantikan Penolong Jurutera Laut Gred A38.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

27. Pergerakan Gaji Tahunan di gred jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai dalam tahun pertukaran pelantikan dikuatkuasakan hendaklah diberi di gred jawatan baru.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

28. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pertukaran pelantikan ini. TPG baru ialah mulai 1 Januari tahun berikutnya.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

29. Pelaksanaan skim perkhidmatan Pegawai Laut dan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut yang baru ini tidak melibatkan perubahan kepada kaedah penetapan kelayakan elaun dan kemudahan yang sedia ada. Elaun dan kemudahan yang diperuntukkan adalah terus berkuat kuasa di bawah skim-skim perkhidmatan ini.

30. Pegawai yang sedang berkhidmat atau lantikan baru bagi skim perkhidmatan Pegawai Laut dan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut yang baru akan menerima elaun dan kemudahan mengikut pekeliling perkhidmatan/ surat pekeliling perkhidmatan/ surat edaran yang berkuat kuasa.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

31. Pegawai Laut Gred A41, A44, A48, A52, A54, Jurutera Laut Gred A41, A44, A48, A52, A54, Arkitek Laut Gred A41, A44, A48, A52 dan Malim Gred A41, A44, A48, A52 yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Laut yang baru dan Penolong Pegawai Laut Gred A29, A36, A38 dan Penolong Jurutera Laut Gred A29, A36, A38 yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut yang baru di atas gred jawatan yang sama, boleh dipertimbangkan nilai taraf oleh Lembaga Penilaian Kompetensi jika kompetensi dalam skim perkhidmatan lama dan skim perkhidmatan baru hampir sama. Sekiranya dipersetujui, kelulusan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) di jawatan asal boleh diguna pakai sebagai salah satu syarat untuk dipertimbangkan Anjakan Gaji dan/ atau kenaikan pangkat berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

32. Selain daripada itu, pegawai yang telah melepasi Tahap Kecekapan yang diperlukan bagi mana-mana komponen PTK atas jawatan asal, tidak perlu menduduki semula komponen berkenaan. Sebaliknya pegawai hanya perlu menduduki mana-mana komponen PTK yang belum melepasi Tahap Kecekapan yang ditetapkan atas jawatan baru.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

33. Dalam melaksanakan urusan ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan/Perkhidmatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah pelaksanaan opsyen yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat melalui Ketua Jabatan setelah mendapat butiran nama pegawai yang terlibat daripada Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

(b) **Ketua Jabatan/ Perkhidmatan**

- (i) mengemukakan senarai nama pegawai yang terlibat dalam urusan pertukaran pelantikan kepada Pihak Berkuasa Melantik;
- (ii) menyampaikan opsyen kepada pegawai terlibat dan memberi penjelasan yang terperinci mengenai opsyen serta implikasi keputusan yang dibuat;
- (iii) mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat; dan
- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan ini dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh ianya diedarkan dan melaporkan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan

Awam Malaysia mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini.

(c) Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Sebarang opsyen yang dibuat adalah **muktamad**;
- (ii) melengkapkan **dua (2) salinan** borang tawaran opsyen iaitu satu (1) salinan disimpan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan manakala satu (1) lagi salinan untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) membuat pilihan dan mengembalikan borang tawaran opsyen dalam tempoh tiga puluh (30) hari mulai tarikh surat tawaran.

TARIKH KUAT KUASA

34. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2008**.

PEMBATALAN

35. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim-skim perkhidmatan Pegawai Laut, Jurutera Laut, Arkitek Laut, Malim, Penolong Pegawai Laut dan Penolong Jurutera Laut yang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 hanya kekal untuk menampung pegawai yang tidak menerima opsyen di bawah urusan ini. Semua pelantikan mulai 1 Januari 2008 hendaklah menggunakan skim perkhidmatan Pegawai Laut dan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut yang baru ini.

PEMAKAIAN

36. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada Perkhidmatan Awam Negeri dan Pihak Berkuasa Berkanun.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

6 Disember 2007

**Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan**

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI LAUT**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2008

Gred	Jadual Gaji Matriks	
Gred A41	: P1T1 RM1815.52 - P1T26 RM4723.82 P2T1 RM1911.53 - P2T26 RM5000.60 P3T1 RM2011.72 - P3T26 RM5301.27	
Gred A44	: P1T1 RM3027.51 - P1T14 RM5017.42 P2T1 RM3351.73 - P2T14 RM5504.40	
Gred A48	: P1T1 RM4430.15 - P1T8 RM5881.46 P2T1 RM4869.86 - P2T8 RM6438.07	
Gred A52	: P1T1 RM4990.92 - P1T8 RM6442.23 P2T1 RM5464.03 - P2T8 RM7032.24	
Gred A54	: P1T1 RM5256.70 - P1T8 RM6841.63 P2T1 RM5721.46 - P2T8 RM7465.02	

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang pengurusan maritim yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A41: P1T3); atau

- (ii) ijazah sarjana muda dalam bidang *nautical studies* yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A41: P1T4); atau

- (iii) ijazah sarjana muda dalam bidang kejuruteraan laut yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A41: P1T4); atau

- (iv) ijazah dalam bidang arkitek laut yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A41: P1T6); atau

- (v) *Chief Mate of 3000 GT or more Unlimited Trade Voyage* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A41: P1T6); atau

- (vi) *Second Engineer Officer of 3000 kW or more Unlimited Trade Voyage* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A41: P1T6); atau

- (vii) *Master of 3000 GT or more Unlimited Trade Voyage* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A41: P1T10); atau

- (viii) *Chief Engineer Officer of 3000 kW or more Unlimited Trade Voyage* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A41: P1T10).

- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Laut layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Laut Gred A41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred A41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan

	kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	4. Pegawai Laut Gred A41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	5. Pegawai Laut boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN	6. Pegawai Laut Gred A41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	7. Pegawai Laut Gred A41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN	9. Pegawai Laut hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED A44	10. Pegawai Laut Gred A41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Laut Gred A44 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED A48	11. Pegawai Laut Gred A44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Laut Gred A48 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED A52**

12. Pegawai Laut Gred A48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Laut Gred A52 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED A54**

13. Pegawai Laut Gred A52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Laut Gred A54 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG
LEBIH TINGGI**

14. Pegawai Laut Gred A54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota : Skim perkhidmatan ini mengubah skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002. [Lampiran B kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3Klt.2(3)]

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) **Jawatan** : PEGAWAI LAUT
 (b) **Kementerian/ Jabatan** : (NYATAKAN NAMA AGENSI)
 (c) **Kumpulan Perkhidmatan** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
 (d) **Klasifikasi Perkhidmatan** : PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN

2. **JADUAL GAJI**

Gred	Jadual Gaji Matriks	
Gred A41	:	P1T1 RM1815.52 - P1T26 RM4723.82 P2T1 RM1911.53 - P2T26 RM5000.60 P3T1 RM2011.72 - P3T26 RM5301.27
Gred A44	:	P1T1 RM3027.51 - P1T14 RM5017.42 P2T1 RM3351.73 - P2T14 RM5504.40
Gred A48	:	P1T1 RM4430.15 - P1T8 RM5881.46 P2T1 RM4869.86 - P2T8 RM6438.07
Gred A52	:	P1T1 RM4990.92 - P1T8 RM6442.23 P2T1 RM5464.03 - P2T8 RM7032.24
Gred A54	:	P1T1 RM5256.70 - P1T8 RM6841.63 P2T1 RM5721.46 - P2T8 RM7465.02

3. **SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang pengurusan maritim yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 (Gaji permulaan ialah pada Gred A41: P1T3); atau
- (ii) ijazah sarjana muda dalam bidang *nautical studies* yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 (Gaji permulaan ialah pada Gred A41: P1T4); atau

(iii) ijazah sarjana muda dalam bidang kejuruteraan laut yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A41: P1T4); atau

(iv) ijazah dalam bidang arkitek laut yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A41: P1T6); atau

(v) *Chief Mate of 3000 GT or more Unlimited Trade Voyage* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A41: P1T6); atau

(vi) *Second Engineer Officer of 3000 kW or more Unlimited Trade Voyage* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A41: P1T6); atau

(vii) *Master of 3000 GT or more Unlimited Trade Voyage* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A41: P1T10); atau

(viii) *Chief Engineer Officer of 3000 kW or more Unlimited Trade Voyage* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A41: P1T10).

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. **SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN** : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Laut adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Laut Gred A41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 3 (c) di atas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
5. **TARAF JAWATAN** : Tetap
6. **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN** : Pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Laut adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. **FUNGSI BIDANG TUGAS** : (Untuk diisi oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat)
8. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN** : (Nyatakan tarikh tutup permohonan)

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
(RM SEBULAN)**

- I. GRED GAJI SSM: A41 (PEGAWAI LAUT)
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: AA41000
- III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2008

JADUAL GAJI BARU: A41

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22	T23	T24	T25	T28										
P1	1815.52	1907.36	1999.20	2091.04	2182.88	2274.72	2366.56	2458.40	2550.24	2642.08	2733.92	2825.76	2917.60	3009.44	3101.28	3193.12	3284.96	3376.80	3468.64	3560.48	3652.32	3744.16	3836.00	3927.84	4019.68	4111.52	4203.36	4295.20	4387.04	4478.88	4570.72	4662.56	4754.40			
P2	1911.53	2007.54	2103.55	2199.56	2295.57	2391.58	2487.59	2583.60	2679.61	2775.62	2871.63	2967.64	3063.65	3159.66	3255.67	3351.68	3447.69	3543.70	3639.71	3735.72	3831.73	3927.74	4023.75	4119.76	4215.77	4311.78	4407.79	4503.80	4599.81	4695.82	4791.83	4887.84	4983.85	5079.86		
P3	2011.72	2111.91	2212.10	2312.29	2412.48	2512.67	2612.86	2713.05	2813.24	2913.43	3013.62	3113.81	3214.00	3314.19	3414.38	3514.57	3614.76	3714.95	3815.14	3915.33	4015.52	4115.71	4215.90	4316.09	4416.28	4516.47	4616.66	4716.85	4817.04	4917.23	5017.42	5117.61	5217.80	5317.99	5418.18	5518.37

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

(RM SEBULAN)

- I. GRED GAJI SSM: A44 (PEGAWAI LAUT)
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: AA44000
- III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2008

JADUAL GAJI BARU: A44

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14
P1	3027.51	3180.58	3333.65	3486.72	3639.79	3792.86	3945.93	4099.00	4252.07	4405.14	4558.21	4711.28	4864.35	5017.42
P2	3351.73	3517.32	3682.91	3848.50	4014.09	4179.68	4345.27	4510.86	4676.45	4842.04	5007.63	5173.22	5338.81	5504.40

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

(RM SEBULAN)

- I. GRED GAJI SSM: A48 (PEGAWAI LAUT)**
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: AA48000**
- III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2008**

JADUAL GAJI BARU: A48

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8
P1	4430.15	4637.48	4844.81	5052.14	5259.47	5466.80	5674.13	5881.46
P2	4869.86	5093.89	5317.92	5541.95	5765.98	5990.01	6214.04	6438.07

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM: A52 (PEGAWAI LAUT)

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: AA52000

III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2008

JADUAL GAJI BARU: A52

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8
P1	4990.92	5198.25	5405.58	5612.91	5820.24	6027.57	6234.90	6442.23
P2	5464.03	5688.06	5912.09	6136.12	6360.15	6584.18	6808.21	7032.24

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

(RM SEBULAN)

- I. GRED GAJI SSM: A54 (PEGAWAI LAUT)
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: AA54000
- III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2008

JADUAL GAJI BARU: A54

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8
P1	5256.70	5464.03	5693.63	5923.23	6152.83	6382.43	6612.03	6841.63
P2	5721.46	5970.54	6219.62	6468.70	6717.78	6966.86	7215.94	7465.02

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN
PEGAWAI LAUT GRED A41**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai Laut Gred A41.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai jabatan/ agensi kerajaan.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab menguruskan pendaftaran kapal, keselamatan kapal, keselamatan pelayaran, hal-ehwal pelaut dan pelabuhan, latihan teknikal maritim, projek-projek pembangunan serta membuat kajian dan penilaian terhadap konvensyen-konvensyen antarabangsa dan perundangan laut.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Aspek Industri (Perkapalan)

- (a) Melaksana aktiviti-aktiviti yang melibatkan pendaftaran, pelesenan dan pemilikan kapal dan bot di Malaysia;
- (b) Melaksana aktiviti pengauditan dan verifikasi yang ditetapkan oleh Peraturan Negara dan Konvensyen Antarabangsa;
- (c) Menjalankan aktiviti-aktiviti siasatan untuk tujuan pendakwaan di mahkamah untuk kesalahan-kesalahan di bawah perundangan yang berkuat kuasa;
- (d) Menjalankan penyiasatan kemalangan maritim;
- (e) Mengurus dan menyelenggarakan bot dan kapal jabatan; dan
- (f) Kepakaran teknikal bagi menjalankan pemeriksaan kapal, penyiasatan kemalangan maritim dan pengauditan serta verifikasi:
 - i. Memegang perakuan kekompetenan; dan

- ii. Memegang kelayakan akademik kejuruteraan laut/ pembinaan kapal/ pelayaran.

4.2 Aspek Keselamatan Pelayaran

- (a) Memastikan alat bantuan pelayaran beroperasi pada tahap ketersediaan yang ditetapkan menurut garis panduan *International Association Of Marine Aids To Navigation And Lighthouse Authority* (IALA);
- (b) Melaksana aktiviti pengurusan trafik maritim dan pemantauan kepatuhan peraturan lalu lintas dalam had kawasan pelabuhan dan perairan Malaysia melalui Sistem Kawalan Trafik (VTS);
- (c) Mengurus dan melaksana aktiviti yang berkaitan dengan melawan dan mengawal pencemaran marin;
- (d) Melaksana sistem keselamatan pelayaran bagi memastikan alur pelayaran yang selamat;
- (e) Melaksana aktiviti pengukuran hidrografi;
- (f) Mengumpul data-data air pasang surut, arus, arah/ kelajuan angin dan ketepuan udara;
- (g) Menyiarkan dan menghebahkan maklumat keselamatan maritim kepada pengguna dalam perairan Malaysia;
- (h) Menyelaras aktiviti pemindahan muatan dari kapal ke kapal (*ship to ship transfer*) dan pengurusan persijilan insurans serta liabiliti kapal; dan
- (i) Kepakaran teknikal:
 - i. Menjalankan tugas-tugas:
 - *Hydrographer* dan *cartographer*; dan
 - Penyelia VTS

4.3 Aspek Hal-Ehwal Pelaut dan Pelabuhan Serta Pemaliman

- (a) Menjalankan pengauditan pusat latihan dan kursus maritim dalam dan luar negara termasuk kursus pemaliman mengikut piawaian yang ditetapkan;
- (b) Mengendali urusan peperiksaan perakuan kekompetenan termasuk kekompetenan pemaliman;

- (c) Mengurus proses perakuan kekompetenan, pengiktirafan, keanggotaan selamat, pengamal perubatan, sijil modular dan lesen malim;
- (d) Melaksanakan aktiviti-aktiviti pemaliman;
- (e) Menyediakan dokumentasi perjanjian MOU dengan negara-negara anggota Konvensyen STCW;
- (f) Mengurus pendaftaran dan dokumen pelaut termasuk malim;
- (g) Mengurus kes-kes disiplin pelaut, disiplin malim, artikel perjanjian anak kapal dan pemeriksaan buku log rasmi kapal;
- (h) Melaksana program pembangunan dan kebajikan pelaut/malim;
- (i) Mengurus operasi terminal/ jeti/ premis milik jabatan/ lembaga;
- (j) Mengurus Pewartaan Had Kawasan Pelabuhan;
- (k) Mengurus aktiviti *barter trade* termasuk dagangan bahaya;
- (l) Mengurus aktiviti ketibaan dan pelepasan kapal; dan
- (m) Kepakaran teknikal:
 - i. Pengendalian peperiksaan perakuan kekompetenan:
 - Pelayaran;
 - Kejuruteraan marin;
 - Malim; dan
 - Operator VTS.

4.4 Aspek Penyelidikan dan Pembangunan (Latihan dan Infrastruktur)

- (a) Melaksana dan mengurus program-program latihan termasuk penyediaan bahan kursus;
- (b) Melaksana sistem pengurusan kualiti berterusan bagi program kursus latihan;
- (c) Mempromosi program latihan melalui media cetak dan elektronik;
- (d) Menjadi tenaga pengajar di Institut Latihan;

- (e) Membuat analisis dan penilaian serta menyediakan laporan program latihan termasuk perangkaan secara berkala;
- (f) Menjalankan tugas sebagai pegawai penilai program latihan;
- (g) Menyedia laporan teknikal, perundangan, dan infrastruktur melalui kajian dan penyelidikan;
- (h) Mengurus rekod-rekod penyelidikan yang telah dijalankan; dan
- (i) Kepakaran teknikal:
 - i. Membuat kajian dan penyelidikan:
 - Teknikal (kapal, peralatan dan sistem);
 - Perundangan;
 - Infrastruktur (pemecah ombak, jeti, marina);
 - Melalui perisian simulator; dan
 - Analisa risiko marin.

4.5 Aspek Kewangan dan Personel

- (a) Melaksanakan perbelanjaan mengurus dan pembangunan bahagian, daerah, negeri dan/ atau wilayah;
- (b) Menyediakan bajet mengurus dan pembangunan tahunan;
- (c) Menjadi penilai bagi prestasi tahunan pegawai;
- (d) Mengurus hal ehwal urusan perkhidmatan dan pembangunan sumber manusia; dan
- (e) Memastikan semua arahan dan pekeliling dipatuhi dan dilaksanakan.

5. HUBUNGAN KERJA

5.1 Dalaman

- (a) Rakan sekerja di pejabat/ bahagian/ daerah/ negeri/ wilayah; dan
- (b) Pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

5.2 Luaran

- (a) Orang awam;
- (b) Industri perkapalan;
- (c) Kementerian/ jabatan/ agensi-agensi kerajaan;
- (d) Agensi antarabangsa; dan
- (e) Pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan.

6. PERSEKITARAN KERJA

6.1 Dalam dan luar pejabat.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

7.1 Pemegang Perakuan Kekompetenan;

7.2 *Hydrographer (Certificate of Category A & B, International Hydrographic Organisation (IHO))*;

7.3 Sijil Kompetensi IALA (VTS); dan

7.4 Sijil Kompetensi Peralihan.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

8.1 Kreatif, tekun dan sabar;

8.2 Minat untuk meningkatkan pengetahuan dalam industri perkapalan;

8.3 Menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja yang berbeza seperti bertugas di luar kawasan pejabat; dan

8.4 Mampu menunjukkan sikap kepimpinan yang baik.

9. ANCAMAN/ BAHAYA

9.1 Kemalangan ketika bertugas; dan

9.2 Terjebak dengan unsur penyelewengan dan rasuah.

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN
PEGAWAI LAUT GRED A44**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai Laut Gred A44.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai jabatan/ agensi kerajaan.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab menguruskan pendaftaran kapal, keselamatan kapal, keselamatan pelayaran, hal-ehwal pelaut dan pelabuhan, latihan teknikal maritim, projek-projek pembangunan serta membuat kajian dan penilaian terhadap konvensyen-konvensyen antarabangsa dan perundangan laut.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Aspek Industri (Perkapalan)

- (a) Menguruskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang melibatkan pendaftaran, pelesenan dan pemilikan kapal dan bot di Malaysia;
- (b) Menguruskan pelaksanaan aktiviti pengauditan dan verifikasi yang ditetapkan oleh Peraturan Negara dan Konvensyen Antarabangsa;
- (c) Menguruskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti siasatan untuk tujuan pendakwaan di mahkamah untuk kesalahan-kesalahan di bawah perundangan yang berkuat kuasa;
- (d) Menguruskan penyiasatan kemalangan maritim;
- (e) Mengurus dan menyelenggarakan bot dan kapal jabatan; dan
- (f) Kepakaran teknikal bagi menjalankan pemeriksaan kapal, penyiasatan kemalangan maritim dan pengauditan serta verifikasi;

- i. Memegang perakuan kekompetenan; dan
- ii. Memegang kelayakan akademik kejuruteraan laut/ pembinaan kapal/ pelayaran.

4.2 Aspek Keselamatan Pelayaran

- (a) Menguruskan dan memastikan alat bantuan pelayaran beroperasi pada tahap ketersediaan yang ditetapkan menurut garis panduan *International Association Of Marine Aids To Navigation And Lighthouse Authority (IALA)*;
- (b) Menguruskan dan melaksanakan aktiviti pengurusan trafik maritim dan pemantauan kepatuhan peraturan lalu lintas dalam had kawasan pelabuhan dan perairan Malaysia melalui Sistem Kawalan Trafik (VTS);
- (c) Menguruskan dan melaksana aktiviti yang berkaitan dengan melawan dan mengawal pencemaran marin;
- (d) Menguruskan dan melaksana sistem keselamatan pelayaran bagi memastikan alur pelayaran yang selamat;
- (e) Menguruskan dan melaksana aktiviti pengukuran hidrografi;
- (f) Menguruskan pengumpulan data-data air pasang surut, arus, arah/ kelajuan angin dan ketepuan udara;
- (g) Menguruskan penyiaran dan penghebahan maklumat keselamatan maritim kepada pengguna dalam perairan Malaysia;
- (h) Menyelaraskan aktiviti pemindahan muatan dari kapal ke kapal (*ship to ship transfer*) dan pengurusan persijilan insurans serta liabiliti kapal; dan
- (i) Kepakaran teknikal:
 - i. Menjalankan tugas-tugas:
 - *Hydrographer* dan *cartographer*; dan
 - Penyelia VTS

4.3 Aspek Hal-Ehwal Pelaut dan Pelabuhan serta Pemaliman

- (a) Mengurus dan menjalankan pengauditan pusat latihan dan kursus maritim dalam dan luar negara termasuk kursus pemaliman mengikut piawaian yang ditetapkan;

- (b) Mengendali urusan peperiksaan perakuan kekompetenan termasuk kekompetenan pemaliman;
